

**TALKING POINTS**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**  
**MERANGKAP PRESIDEN ASEAN**  
**CO-OPERATIVE ORGANIZATION**

**PERASMIAN PENUTUP**  
**SEMINAR PEMBANGUNAN INFAQ**

**LIL-WAQF ANGKASA PERINGKAT  
NEGERI PAHANG 2022  
15 NOVEMBER 2022 (SELASA)**

---

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Keluarga  
Malaysia

# **[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA PROGRAM]**

Dato'-Dato'/Datin-Datin/Tuan-  
Tuan/Puan-Puan yang dihormati  
sekalian...

---

1. Marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-NYA, kita dipertemukan pada hari yang mulia ini untuk saya menyampaikan amanat melalui ucapan perasmian penutup di **SEMINAR PEMBANGUNAN INFAQ LIL-WAQF ANGKASA PERINGKAT NEGERI PAHANG BAGI TAHUN 2022.**

2. Secara latar belakangnya, Infaq Lil-Waqf ANGKASA telah ditubuhkan secara rasmi pada 15 Ogos 2011 dan perasmian telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaacob, Perdana Menteri Malaysia yang pada ketika itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

3. Dalam tempoh sedekad ini, dengan kesungguhan dan usaha ANGKASA mempromosikan Infaq Lil-Waqf melalui Unit Kutipan dan Pengurusan Dana Infaq Lil-Waqf, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah ANGKASA,

potensi dan sambutan menggalakkan daripada penyumbang amatlah terserlah. Atas pencapaian itu, pengurusan lebih profesional dan kompeten dikenali **YAYASAN INFAQ ANGKASA** dibentuk bagi memperluaskan fungsi dan peranan Infaq Lil-Waqf dalam menyalurkan dana untuk manfaat gerakan

koperasi di Malaysia mahupun luar negara.

4. Jika diimbaz kembali perjalanan penubuhan Yayasan tercetus hasil Keputusan Bengkel Polisi dan Penggunaan dan Pelaburan Skim Infaq Lil-Waqf ANGKASA pada 7 - 8 Ogos 2015 di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya yang sepakat suatu



kajian terperinci dijalankan bagi penubuhan entiti khas pengurusan Infaq Lil-Waqf.

5. Pelbagai pandangan dan justifikasi di ambil kira bagi penubuhan yayasan ini di antaranya:

- i. Skim Infaq Lil-Waqf ANGKASA tidak layak mendapat pengecualian cukai di bawah Sub Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 kerana kedudukannya dalam pengurusan ANGKASA yang merupakan syarikat membuat keuntungan;

- ii. Mengelakkan beban percukaaian tinggi kepada ANGKASA yang menyumbang kepada Infaq Lil-Waqf;
- iii. Mempercepatkan proses pelaksanaan sesuatu program/projek dan aktiviti;

- iv. Memudahkan pihak membuat keputusan dengan cepat dan efektif;
- v. Penyusunan organisasi lebih kemas dan dinamik bagi kelancaran proses kerja.

6. Selaras dengan itu, bagi mencapai kata sepakat, pihak pengurusan ANGKASA berusaha

membuat kajian dan gerak kerja sehinggalah tertubuhnya Yayasan Infaq ANGKASA secara rasminya telah didaftarkan pada 9 Julai 2021 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Akta 258).

7. Di kesempatan ini, saya mewakili ANGKASA selaku pengasas

Yayasan Infaq ANGKASA  
mengucapkan tahniah serta  
mengalu-alukan Pengerusi dan  
barisan Ahli Lembaga Pemegang  
Amanah Yayasan Infaq ANGKASA  
yang baru dilantik bagi memacu  
kejayaan Yayasan Infaq ANGKASA  
dalam teraju korporat yang akan  
memberi impak besar kepada  
gerakan koperasi dan masyarakat

Malaysia khususnya dan luar negara amnya.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

8. Untuk makluman, ANGKASA telah merangka Pelan Strategik ANGKASA (Dikenali PESAN50) bagi memacu kecemerlangan ANGKASA.

Visi ANGKASA jelas, menjadi pemacu unggul kelestarian sosioekonomi gerakan koperasi. Bertepatan misi, ANGKASA komited menjadi pemangkin kecemerlangan sosioekonomi gerakan koperasi ke arah globalisasi dengan cara memperkukuhkan pengamalan tadbir urus berteraskan Jati Diri Koperasi.



9. Selaras dengan itu, ANGKASA menetapkan tonggak tadbir urus berkaliber, profesional dan kompeten sebagai penggerak utama aspirasi ANGKASA ke arah globalisasi selaku badan apeks yang menyatukan dan mewakili gerakan koperasi di Malaysia dan antarabangsa. Besarlah harapan ANGKASA, penggemblengan tenaga

dan kepakaran ini mampu mencetuskan revolusi berdaya maju dalam pengurusan dana wakaf ini.

10. ANGKASA berharap pimpinan dilantik memainkan peranan mendukung pencapaian aspirasi, visi dan misi agar entiti ini berdaya saing mewakili ANGKASA melaksanakan tanggungjawab sosial korporat

kepada gerakan koperasi melalui prinsip wakaf.

11. Menjadi tanggungjawab kita, untuk bersama-sama memartabatkan ANGKASA sebagai perintis wakaf korporat pertama di Malaysia. ANGKASA berjaya membuktikan jalinan kerjasama dengan Majlis

Agama Islam mampu melestarikan aset wakaf dan meningkatkan sosioekonomi masyarakat melalui platform koperasi.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

12. Kerajaan sedang memberi tumpuan menyokong pelaksanaan wakaf dalam badan korporat dan

universiti seluruh Malaysia. Pelbagai kelebihan dan peluang boleh direbut dalam menginovasikan pengurusan yayasan untuk kelestarian dana wakaf. Saya amat yakin dan percaya, pengalaman, ketokohan dan kepakaran Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik dan diterajui Yang Berhormat Dato' Dr. Hj. Nooh

Gadot selaku Pengerusi mampu menjulang imej ANGKASA ke persada dunia.

13. Saya berharap seminar ini berjalan lancar. Saya percaya gabungan mantap para ilmuwan agama, golongan profesional dan sokongan padu Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

dapat memberi manfaat dalam  
mempertingkatkan kelebihan  
berwakaf dalam gerakan koperasi  
dan menginovasikan pengurusan  
profesional wakaf.

14. Saya merakamkan setinggi-  
tinggi penghargaan dan terima kasih  
tidak terhingga kepada Mantan Ahli

Jawatankuasa Hisbah Infaq Lil-Waqf ANGKASA yang telah memikul amanah dan kepercayaan ANGKASA sehingga kini. Sebilangannya telah pergi meninggalkan kita, Tan Sri Ali Hashim (Mantan Pengerusi Jawatankuasa Hisbah Infaq Lil-Waqf), Prof. Dato Dr. Mohd Ali Baharom, Prof Madya Zakaria Man). Tanpa keringat dan idea, penubuhan yayasan ini



sukar direalisasikan. Semoga Allah memberkati dan meredhai usaha murni ANGKASA.

Dengan lafaz Bismillahirrohmanirohim,  
saya menutup **SEMINAR**  
**PEMBANGUNAN INFAQ LIL-WAQF**  
**ANGKASA PERINGKAT NEGERI**  
**PAHANG 2022**

---

*Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.*